




ANUGERAH IKON SEKOLAH MAMPAN KUALA LUMPUR 2023

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur

ANUGERAH
Ikon
Sekolah Mampan
Kuala Lumpur

2023

Isi Kandungan



01.

Pengenalan

02.

Definisi Ikon Sekolah
Mampan Kuala Lumpur

03.

Definisi Warga Sekolah

04.

Kriteria Bidang Ilmu Ikon Sekolah
Mampan Kuala Lumpur

05.

Kriteria Pemilihan Ikon Sekolah
Mampan Kuala Lumpur

06.

Kategori Ikon Sekolah Mampan
Kuala Lumpur

07.

Kategori dan Hadiah Ikon
Sekolah Mampan Kuala Lumpur

08.

Syarat Pencalonan Ikon Sekolah
Mampan Kuala Lumpur

09.

Tugas dan tanggungjawab Ikon
Sekolah Mampan Kuala Lumpur

Anugerah Ikon Mampam Kuala Lumpur merupakan satu usaha untuk mengiktiraf warga sekolah yang aktif menyumbang dalam pelbagai program dan aktiviti yang mendokong keperluan memelihara dan memulihara alam sekitar untuk pembangunan mampam Kuala Lumpur. Anugerah ini juga mendokong hasrat **PELAN INDUK MASYARAKAT RENDAH KARBON KUALA LUMPUR 2030**

TUJUAN PENGANUGERAHAN :

- Usaha untuk membentuk dan memupuk amalan dan teknologi kemampaman memerlukan satu proses dan individu bersama kumpulan masyarakat yang bergerak secara berkesan dan meluas.
- Sekolah merupakan pentas yang terbaik dalam usaha ini, melalui aktiviti pendidikan.
- Individu daripada warga sekolah bersama kumpulan masyarakat ini memainkan peranan penting bagi mencetus, menyampaikan, memupuk dan mendokong penyampaian ilmu dan amalan serta proses perubahan untuk memastikan amalan kemampaman di kalangan warga sekolah khususnya dan masyarakat Kuala Lumpur amnya.
- Peranan individu dalam kalangan warga sekolah yang telah melaksanakan pelbagai program dan aktiviti dalam usaha membentuk dan memupuk amalan dan teknologi kemampaman dengan cemerlang perlu dihargai.
- Mengiktiraf peranan individu dikalangan warga sekolah yang telah dan sedang melaksanakan pelbagai bentuk program dan aktiviti amalan dan inovasi kemampaman.
- Mewujudkan Ikon bagi keperluan Kesedaran Komuniti Melalui Pendidikan.
- Penganugerahan ini juga mendokong keperluan untuk mencapai sasaran SDG 2030 Malaysia.
- Merupakan sebahagian daripada pengiktirafan kepada warga sekolah yang terlibat didalam Program Sekolah Mampam Kuala Lumpur.

Pencalonan untuk Ikon Sekolah Mampan akan dipilih daripada kalangan murid **sekolah rendah dan sekolah menengah, guru, kakitangan sokongan sekolah dan PIBG.**

TUJUAN PENGANUGERAHAN :

- Meningkatkan kesedaran tentang pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar melalui amalan dan inovasi kemampanan.
- Membentuk individu yang berilmu, aktif dan komited dalam usaha menyebarkan ilmu dan amalan dalam bidang berkaitan yang mendukung Pembangunan Mampan.
- Motivasi dan sokongan bagi meningkatkan amalan kemampanan dikalangan warga sekolah khususnya dan masyarakat Kuala Lumpur amnya.
- Menggalakkan dan mempromosi penghasilan inovasi kemampanan dikalangan warga sekolah khususnya dan masyarakat Kuala Lumpur amnya.
- Ikon Sekolah Mampan Kuala Lumpur akan berperanan dalam usaha untuk mempromosi dan menggalakkan amalan dan penggunaan teknologi kemampanan dikalangan warga sekolah khususnya dan masyarakat Kuala Lumpur amnya.

DEFINISI

IKON SEKOLAH MAMPAN KUALA LUMPUR

Ikon Sekolah Mampan Kuala Lumpur didefinisikan sebagai **INDIVIDU** yang berilmu, aktif dan komited menyebarkan ilmu dan amalan dalam bidang berkaitan yang mendukung Pembangunan Mampan

-
- Mempunyai keupayaan dan impak dalam menyebarkan ilmu dan amalan kelestarian untuk mengubah sikap dan amalan mampan oleh masyarakat.
 - Mampu menarik minat masyarakat untuk melaksanakan gaya hidup dan amalan mampan.
 - Membentuk jalinan dan jaringan bersama pihak berkepentingan dan berpengaruh dalam usaha menyebar luas dan berkongsi ilmu dan amalan Mampan Bersama masyarakat.

Mencapai satu tahap yang tinggi dalam aspek bina diri, pembinaan personaliti dan karakter, dan memperkukuh masyarakat yang penting dalam usaha menyebar dan berkongsi ilmu dan amalan mampan.

DEFINISI WARGA SEKOLAH

Pencalonan Ikon Sekolah Mampan Kuala Lumpur terdiri daripada **warga sekolah** yang aktif dalam melaksana atau melibatkan diri dalam pelbagai program atau aktiviti berkaitan amalan dan teknologi kemampanan.

Definisi :

01

Warga Sekolah

Warga sekolah merujuk kepada murid, guru, kakitangan sokongan sekolah dan PIBG.

02

Kakitangan Sokongan Sekolah

Kakitangan sokongan sekolah merujuk kepada kakitangan seperti kerani, pembantu am rendah, pembantu makmal, juruteknik dan kakitangan yang bukan kontraktor lantikan luar.

KRITERIA BIDANG ILMU

IKON SEKOLAH MAMPAN KUALA LUMPUR

Terdapat dua belas (12) kriteria bidang ilmu Ikon Sekolah Mampan Kuala Lumpur :

Tenaga mampan

Pengurusan sisa

Pengurusan air
bersih dan
sanitasi

Pertanian
mampan

Mobiliti
mampan

Keusahawanan
ekonomi
mampan

Keusahawanan
sosial mampan

Kepelbagaian
biologi dan
ruang hijau
mampan

Perubahan iklim

Pendidikan
mampan

Teknologi pintar
Mampan

Kesihatan
persekitaran dan
Kesejahteraan
hidup

KRITERIA PEMILIHAN

IKON SEKOLAH MAMPAN KUALA LUMPUR

01 Berilmu dan arif dalam bidang yang dipilih

02 Keterlibatan aktif dalam program dan aktiviti kemampunan

03 Kesedaran yang tinggi dalam usaha mengamal dan menyampaikan ilmu amalan kemampunan

04 Mempunyai penampilan sebagai individu yang berkarisma

05 Berperwatakan menarik, berdisiplin dan komitmen tinggi

06 Menjiwai dan mengamal amalan mampan terbaik

07 Membentuk impak positif kepada warga sekolah dan masyarakat

08 Kreativiti dan berinovasi untuk menggerak dan melaksana program dan aktiviti amalan kemampunan

09 Membentuk atau terlibat dalam jalinan dan jaringan dengan pelbagai pihak berkepentingan

10 Mempunyai gaya kepimpinan untuk menarik minat warga sekolah dan masyarakat bagi melaksanakan gaya hidup dan amalan mampan

11 Menghasilkan impak kepada warga sekolah dan masyarakat Kuala Lumpur.

KATEGORI DAN HADIAH

IKON SEKOLAH MAMPAN KUALA LUMPUR

Kategori 1	1. Murid Sekolah Rendah; dan	 Hadiah	Wang Tunai : RM1,500.00 Sijil Penghargaan dan Plak
	2. Murid Sekolah Menengah		Wang Tunai : RM1,500.00 Sijil Penghargaan dan Plak
Kategori 2	1. Guru; atau	 Hadiah	Wang Tunai : RM1,500.00 Sijil Penghargaan dan Plak
	2. Kakitangan Sokongan Sekolah; atau		Wang Tunai : RM1,500.00 Sijil Penghargaan dan Plak
	3. PIBG		Wang Tunai : RM1,500.00 Sijil Penghargaan dan Plak

Penghargaan Khas (Calon Senarai Pendek)

1. Murid Sekolah Rendah (2 calon)
2. Murid Sekolah Menengah (2 calon)
3. Guru atau Kakitangan Sokongan Sekolah atau PIBG (2 calon)

Hadiah

Sijil Penghargaan dan Plak

SYARAT PENCALONAN

IKON SEKOLAH MAMPAN KUALA LUMPUR

01	02	03
Calon perlu mempunyai sekurang-kurangnya 6 kriteria ikon Sekolah Mampan Kuala Lumpur.	Calon merupakan warga negara Malaysia	Calon hendaklah masih dalam tempoh persekolahan bagi Kategori Murid Sekolah semasa permohonan dibuat.
04	05	06
Pencalonan merujuk kepada program dan aktiviti yang telah dan sedang dilaksanakan atau terlibat dalam tempoh Januari 2021 hingga Jun 2023 sahaja.	Calon perlu melengkapkan dan menyerahkan borang pencalonan yang telah disediakan oleh pihak sekretariat sebelum tarikh tutup pencalonan.	Borang pencalonan akan disediakan melalui pautan dan fail sokongan yang disediakan.
07	08	09
Sekolah boleh mencalonkan : <ul style="list-style-type: none">• 1 calon untuk Murid Sekolah Rendah; dan• 1 calon untuk Murid Sekolah Menengah; dan• 1 calon untuk Guru; atau 1 calon untuk Kakitangan Sokongan Sekolah; atau 1 calon PIBG	Menyediakan video pendek 3 hingga 5 minit bagi menunjukkan inisiatif dan impak yang telah dilaksanakan oleh Calon.	Pencalonan hendaklah disokong oleh Pengetua atau Guru Besar sekolah calon.

Borang Pencalonan bagi Anugerah Ikon Sekolah Mampan Kuala Lumpur boleh dimohon melalui atas talian : <https://forms.gle/NWig7XQ79LVB0J9S8>

Tempoh serahan pencalonan adalah seperti berikut :

- Tarikh permohonan pencalonan bermula pada 1 Oktober 2023
- Tarikh tutup pencalonan adalah pada 15 Oktober 2023



TUGAS & TANGGUNGJAWAB

IKON SEKOLAH MAMPAN KUALA LUMPUR

Penerima akan dilantik sebagai Ikon Sekolah Mampan KL



Tempoh lantikan untuk 2 tahun, bermula dari tarikh surat lantikan

Menggalakkan penglibatan untuk program dan aktiviti kemampanan yang dianjurkan oleh DBKL



Membantu mempromosi program dan aktiviti berteraskan alam sekitar yang dilaksanakan oleh DBKL melalui pelbagai pentas seperti media sosial dan lain-lain

Menjadi agen perubahan ke arah amalan kemampanan melalui program atau aktiviti yang dianjurkan



ANUGERAH

IKON SEKOLAH MAMPAN KUALA LUMPUR 2023



HUBUNGI :

Jabatan Kesihatan Dan Alam Sekitar
Dewan Bandaraya Kuala Lumpur
Jalan 3/91A
Taman Shamelin Perkasa
56100 Kuala Lumpur

alamsekitarjkas@dbkl.gov.my
jkas@dbkl.gov.my
03-2109 2181 / 2141

Pencalonan

Borang

